

Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia *The Implementation of the Tawarruq Contract in the Islamic Core Banking System in Malaysia*

Mohd Naufal Mohd Tarmizi [✉], Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud
Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

ABSTRAK

Sistem teras perbankan Islam adalah sistem yang bertanggungjawab untuk merekod atau menyelia aktiviti dan transaksi perbankan Islam harian. Oleh kerana kontrak tawarruq merupakan antara konsep Syariah yang diaplikasi dalam produk perbankan Islam, kajian kualitatif ini bertujuan menganalisis kaedah mengoperasikan kontrak tawarruq ke dalam sistem teras perbankan Islam agar selari dengan tuntutan pematuhan Syariah di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA 2013"). Kajian ini menganalisis data yang telah dikumpul melalui kaedah doktrin undang-undang dan kajian teks. Kajian ini mengenalpasti 17 pecahan proses yang terkesan dalam sistem teras perbankan Islam yang mampu memenuhi tuntutan pematuhan Syariah di bawah seksyen 28 dan 29, IFSA 2013. Malah, kajian ini menghasilkan keperluan-keperluan tawarruq pratifik yang boleh dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu ciri-ciri utama, rukun-rukun dan kombinasi kontrak Syariah. Penghasilan keperluan-keperluan tawarruq pratifik ini boleh membantu pihak-pihak berkepentingan dalam membangunkan sistem teras perbankan Islam di Malaysia.

KATA KUNCI

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; sistem teras perbankan, pematuhan Syariah; perbankan Islam; tawarruq.

ABSTRACT

The Islamic core banking system plays a crucial role in monitoring and recording daily Islamic banking transactions. With the Tawarruq contract serving as a foundational Shariah principle for various Islamic banking products, this qualitative study aims to evaluate the methodology for implementing the Tawarruq contract within the Islamic core banking system in accordance with the Shariah compliance stipulations outlined in the Islamic Financial Services Act 2013 ("IFSA 2013"). Utilizing doctrinal legal methods and textual study, the research dissects and analyzes relevant data. The study identifies 17 crucial process breakdowns within the Islamic core banking system that ensure adherence to the Shariah compliance provisions under sections 28 and 29 of IFSA 2013. Furthermore, the study provides predefined Tawarruq requirements, categorized into three main components: primary features, tenets, and the amalgamation of Shariah contracts. These predefined Tawarruq requirements can offer guidance to stakeholders in the development of the Islamic core banking system in Malaysia.

KEYWORDS

Islamic Financial Services Act 2013; Core Banking System; Shariah Compliance; Islamic Banking; Tawarruq.

Article History

Received: October 5, 2022
Revised: May 13, 2023
Accepted: June 6, 2023
Published: June 15, 2023

✉ Contact

Mohd Naufal Mohd Tarmizi
(Corresponding Author)
mnaufaltarmizi@gmail.com.

Citation

Mohd Naufal Mohd Tarmizi, Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud. 2023. Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(1):51-68.

Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Sistem teras perbankan adalah jaringan perkhidmatan yang merangkumi perkhidmatan perbankan internet,

Mesin Teler Automatik (ATM) atau transaksi di tempat jual (POS) (Dehghan et al. 2015). Sesebuah sistem teras perbankan Islam berperanan untuk menyelia kesemua aktiviti perbankan pada setiap

peringkat bersama dengan enjin pengagihan keuntungan yang membenarkan perkongsian untung berdasarkan modal terkumpul yang telah ditetapkan (Bank Nizwa 2014). Dalam erti kata lain, sistem teras perbankan adalah sistem yang bertanggungjawab untuk merekod atau menyelia aktiviti dan transaksi perbankan harian. Istilah ‘sistem teras perbankan Islam’ digunakan untuk membezakannya dengan sistem teras perbankan yang berperanan menyelia transaksi dan aktiviti perbankan konvensional. Bank Nizwa (2014: 108) mendapati penyelesaian kepada pembangunan sistem teras perbankan Islam yang agak kompleks adalah dengan memudahkan pembangunannya kepada subsistem yang berinteraksi sesama sendiri untuk memudahkan proses pengenalpastian ketidakpatuhan Syariah. Pengguna akhir seperti institusi perbankan lebih selesa apabila sistem teras perbankan mampu memenuhi keperluan produk perbankan Islam selain daripada fungsi-fungsi terkini yang wujud dalam teknologi perbankan masa kini (Schaffer 2017).

Di Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan standard berkaitan kontrak Syariah (Abdullah & Daud, 2021: 133). Seksyen 29(1), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 memperuntukkan:

- “29. (1) Bank boleh, mengikut nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Syariah, menentukan standard—
- (a) mengenai perkara Syariah berkenaan dengan perjalanan perniagaan, hal ehwal atau aktiviti oleh suatu institusi yang menghendaki penentuan hukum Syarak oleh Majlis Penasihat Syariah; dan
 - (b) untuk memberi kesan kepada nasihat atau keputusan Majlis Penasihat Syariah.”

Apabila dibaca bersama seksyen 28, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 berkaitan aspek pematuhan Syariah, maka institusi perbankan yang menawarkan produk atau perkhidmatan perbankan Islam perlu memastikan matlamat dan pengendaliannya, perniagaannya, hal ehwalnya dan aktivitiannya adalah patuh Syariah pada setiap masa. Dalam erti kata lain, infrastruktur teknologi yang digunakan bagi tujuan menyelia transaksi perbankan Islam di Malaysia seperti sistem teras perbankan perlu memastikan kemampuannya untuk memenuhi keperluan-keperluan kontrak Syariah yang digariskan dalam standard yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (standard tersebut lebih dikenali dengan nama polisi dokumen kontrak Syariah) berdasarkan peruntukan seksyen 29(1), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Kajian kualitatif ini bertujuan menganalisis kaedah mengoperasikan kontrak *tawarruq* ke dalam sistem teras perbankan Islam agar

selari dengan tuntutan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian terdahulu berkaitan sistem teras perbankan telah menyentuh beberapa aspek antaranya seperti pembangunan sistem teras perbankan (Bank Nizwa 2014), kesan pembangunan sistem teras perbankan terhadap institusi perbankan (Dehghan et al. 2015) dan pasaran sistem teras perbankan (Free 2010) yang merekodkan tidak kurang daripada 500 inisiatif untuk membangunkan sistem teras perbankan Islam di seluruh dunia (Bank Nizwa 2014: 109). Laporan yang disediakan oleh Bank Nizwa (2014) dan hasil dapatan kajian ke atas HiCORE oleh Halimah et al. (2008) telah menunjukkan institusi perbankan lebih selesa dengan sistem teras perbankan sedia ada, walaupun tujuan pembangunan sistem teras perbankan Islam dan HiCORE adalah sebagai satu penyelesaian kepada masalah yang timbul daripada sistem teras perbankan Islam sedia ada.

Pembangunan sistem teras perbankan telah dijelaskan melalui metodologi yang digagaskan oleh Liu et al. (2009) dan Ebadi (2007). Liu et al. (2009) mencadangkan metodologi modifikasi digunakan untuk membaikpulih sistem teras perbankan sedia ada, manakala Ebadi (2007) pula mencadangkan metodologi pembangunan satu sistem yang dikenali *Advance Banking System* yang menjadikan sistem teras perbankan sebagai sebahagian daripada modul sistem tersebut. Kedua-duanya memberi penekanan terhadap aspek teknikal pembangunan sistem teras perbankan tanpa huraian berkenaan kandungan dan parameter sistem tersebut. Kandungan dan parameter sistem teras perbankan Islam dikupas dalam laporan *Global Islamic Finance Report (GIFR)* dengan perincian terhadap keperluan institusi perbankan Islam (selain perincian terhadap keperluan Syariah) dan pengalaman yang telah dilalui vendor dalam membangunkan atau memodifikasi sistem teras perbankan Islam.

Data-data yang direkodkan daripada Free (2010) dan Hunt (2007) menunjukkan inisiatif pembangunan sistem teras perbankan Islam tidak akan menemui titik penamat dan akan terus berkembang. Apa sahaja teknologi yang dibangunkan yang berkaitan dengan industri perbankan Islam seharusnya melihat kepada perbincangan *fiqh mu'āmalāt* dan undang-undang setempat. Ini membolehkan sistem teknologi yang dibangunkan dapat digunakan berdasarkan ekosistem perundangan di sesebuah negara (Shakiba & Qasmi 2022; Sulaiman et al (2016)). Ribadu dan Rahman (2016) menjelaskan suatu teknologi boleh dianggap sebagai patuh Syariah jika mematuhi undang-undang kontrak Islam dan larangan yang digariskan dalam kontrak Syariah. Ini kerana teknologi yang mempunyai parameter patuh Syariah dapat mempengaruhi perkembangan industri perbankan

Islam khususnya dalam kalangan pengguna Muslim (Muhammad & Muhammad 2013).

Kebanyakan kajian terdahulu menjadikan *murābahah* dan *tawarruq* sebagai subjek kajian. Ini kerana industri perbankan Islam masa kini khususnya di Malaysia lebih cenderung untuk mengeluarkan produk berasaskan *murābahah* atau *tawarruq* termasuklah *bay' bithamin 'ājil* (selepas ini ditulis 'BBA'). Tumpuan industri perbankan Islam terhadap kontrak *tawarruq* telah membawa kepada inovasi baharu seperti yang dilakukan oleh Sedania Capital dengan memperkenalkan kredit panggilan (*airtime*) sebagai komoditi untuk diperdagangkan bagi pembiayaan peribadi berasaskan kontrak komoditi *murābahah* (Kasmon & Noordin 2015) dan kajian berkaitan kontrak emas *murābahah* (Ismal 2014). Sorotan literatur berkaitan kontrak *Tawarruq* sebelum tahun 2011 mendapati kebanyakan pengkaji terdahulu menumpukan aspek teori dan kurang menumpukan aspek aplikasi sedangkan risiko ketidakpatuhan Syariah dapat dikesan melalui aplikasi praktikalnya (Rahman et al. 2010; Mohamad & Rahman 2014; Shaikh 2011). Risiko ketidakpatuhan Syariah boleh berlaku sama ada dari sudut Syariah seperti kontrak Syariah yang digunapakai (Azli et al. 2012; Balz 2004) atau dari sudut operasi perbankan (Ahmed et al. 2012), dan memberi kesan ke atas pendapatan institusi perbankan (Rosly et al. 2017). Maka untuk menangani risiko tersebut, dokumentasi perundangan kontrak Syariah perlu menjamin kesaksamaan kepada pelanggan, keselarian dengan perundangan negara, kesesuaian dengan amalan praktikal perbankan dan ketepatan ciri-ciri produk (Wulandri et al. 2016). Gagal menangani risiko ini akan membawa kepada persepsi negatif pengguna seperti produk perbankan Islam mahal, tidak adil dan membebankan (Razak & Taib 2011).

METODOLOGI

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis data yang telah dikumpul melalui kaedah doktrin undang-undang dan kajian teks bagi mencapai objektif kajian ini. Pendekatan ini sesuai bagi kajian ini berasaskan kepada matlamat untuk mengambilkira keperluan-keperluan kontrak *tawarruq* sebagai asas pembangunan sistem teras perbankan Islam di Malaysia. Matlamat ini lahir daripada pertimbangan epistemologi yang menekankan aspek prinsip yang diaplikasi sebagai asas kepada kesimpulan yang dibuat terhadap subjek kajian. Prinsip dan keperluan yang digariskan dalam kontrak *tawarruq* dianalisis bagi mencapai matlamat ini. Data temubual juga dianalisis secara naratif untuk mendapatkan dapatan berkaitan proses asas dalam sistem teras perbankan oleh individu yang berpengalaman dalam membangunkan sistem teras perbankan di Malaysia. Responden-responden yang ditemubual bagi kajian ini adalah:

1. Mahmor Az-Zakwan Shafiai. Pegawai Syariah institusi perbankan Islam yang berpengalaman dalam menasihati dan menyemak penggunaan sistem teras perbankan dalam beberapa institusi perbankan sejak dari tahun 2017.
2. Shakina Nabila Nordin. Pegawai Syariah institusi perbankan Islam yang berpengalaman dalam menasihati dan menyemak penggunaan sistem teras perbankan dalam beberapa institusi perbankan sejak dari tahun 2015.
3. Mohd Rizal Abdul Rahman. Timbalan Presiden, Teknologi Informasi (IT), Gogopasar. Mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang IT dan pernah memodifikasi sistem teras perbankan konvensional ke sistem teras perbankan Islam.
4. Mohd Zamri Yusof. Ketua Pegawai Eksekutif, BIT Software. Berpengalaman dalam membangunkan sistem teras perbankan Islam atau berasaskan kontrak Syariah di Malaysia yang dikenali sebagai *Sadiqin Core Banking System*.
5. Ts. Othman Abdullah. Ketua Pegawai Eksekutif, Silverlake Axis. Bertanggungjawab membangunkan sistem teras perbankan Islam milik Silverlake kepada institusi-institusi perbankan di Malaysia sejak dari tahun 1997.
6. Dr. Mohammad Mahbubi Ali. Merupakan salah seorang pendraf polisi dokumen kontrak Syariah BNM dari tahun 2013-2015 dan mempunyai pengalaman dalam penasihat Syariah sejak dari tahun 2017.

DOKTRIN UNDANG-UNDANG (*BLACK LETTER*)

Metodologi "*black-letter*" diaplikasikan untuk mengeluarkan prinsip-prinsip yang telah digariskan dalam statut undang-undang atau dokumen yang diberi kuasa oleh undang-undang. Doktrin undang-undang menekankan aspek kepaduan dan kesatuan dalam mencari satu 'sistem' secara umum, prinsip yang konsisten secara logik, serta terbina daripada kajian beberapa contoh tertentu (Kilcommins 2015). Taakulan deduktif digunakan ke atas peruntukan seksyen 28 dan 29, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk meneliti implikasinya ke atas sistem teras perbankan Islam di Malaysia. Dalam latar perundangan, silogisme deduktif adalah bergantung kepada pembinaan tanggapan fakta, pengenalan norma perundangan yang relevan dan aplikasi keduanya untuk menghasilkan kesimpulan yang munasabah. Sebagai contoh, tanggapan fakta adalah setiap kontrak yang tidak jelas termanya adalah

terbatal, manakalah norma perundangan yang relevan adalah kontrak yang menjadi pertikaian mengandungi terma yang tidak jelas. Maka kesimpulan yang munasabah adalah kontrak yang menjadi pertikaian dalam contoh tersebut adalah terbatal.

KAJIAN TEKS

Suatu kajian yang baik bermula dengan bacaan dari sumber yang baik serta memperbaiki kajian terdahulu dengan baik (Idris et al. 2018). Maka kajian ini memberi keutamaan terhadap kajian teks dari sumber primer. Sumber primer ini diperolehi melalui kajian lapangan, manakala sumber sekunder kajian ini merujuk kepada dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berkaitan kontrak Syariah bagi tujuan pematuhan Syariah oleh institusi perbankan yang menawarkan produk atau perkhidmatan perbankan Islam iaitu polisi dokumen kontrak *tawarruq*. Terdapat dua cara untuk menganalisis peruntukan dalam polisi dokumen tersebut. Cara pertama adalah dengan memfokuskan peruntukan bahagian tertentu dalam polisi dokumen. Kajian ini memfokuskan bahagian berkaitan keperluan Syariah kerana mempunyai kaitan secara langsung dengan elemen ketidakpatuhan Syariah. Bahagian keperluan Syariah adalah bahagian penting yang menggariskan tentang prinsip dan rukun kontrak Syariah tersebut. Cara kedua adalah dengan melakukan saringan ke atas perincian peruntukan dalam polisi dokumen tersebut. Berpandukan kepada simbol 'S' dan 'G' yang digunakan dalam polisi dokumen kontrak Syariah tersebut, maka saringan keperluan yang bersifat mandatori dan pilihan boleh dibuat. Simbol 'S' merujuk kepada perenggan peruntukan yang perlu dipatuhi. Kegagalan mematuhi boleh membawa kepada tindakan penguatkuasaan. Manakala simbol 'G' pula merupakan perenggan peruntukan yang boleh dijadikan sebagai panduan.

DAPATAN

Kajian ini mendapati aspek pematuhan Syariah dalam industri perbankan Islam mempunyai kaitan secara langsung dengan seksyen 28 dan 29, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Menggunakan silogisme deduktif, kajian ini mendapati apabila tanggapan fakta iaitu institusi perbankan yang menawarkan produk atau perkhidmatan perbankan Islam perlu memastikan matlamat dan pengendaliannya, perniagaannya, hal ehwalnya dan aktiviti adalah patuh Syariah pada setiap masa berdasarkan seksyen 28, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dihubungkan dengan norma fungsi asas sistem teras perbankan Islam iaitu menyelia aktiviti dan transaksi perbankan Islam, maka kesimpulan munasabah yang terhasil adalah institusi perbankan perlu memastikan sistem teras perbankan

Islamnya mematuhi peruntukan seksyen 28, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Seksyen 28 perlu dibaca bersama dengan seksyen 29(1), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan standard bagi tujuan pematuhan Syariah. Salah satu standard yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia berdasarkan seksyen 29(1) Akta tersebut adalah polisi dokumen kontrak *tawarruq*.

Polisi dokumen kontrak *tawarruq* diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada 17 November 2015 dan secara efektif terpakai kepada institusi perbankan Islam mulai 1 Julai 2016. Tujuan polisi dokumen ini dikeluarkan adalah untuk mempromosikan ketelusan dan konsistensi pemakaian kontrak Syariah, memperkukuh ketentuan dan kepatuhan Syariah, dan bertindak sebagai rujukan utama fatwa Syariah (Laldin & Furqani 2018). Polisi dokumen kontrak Syariah mempunyai struktur yang komprehensif di mana polisi dokumen tersebut tidak hanya memuatkan keperluan Syariah semata-mata. Aspek keperluan operasi turut dimuatkan. Polisi dokumen tersebut disusun secara sistematik dengan pemisahan bahagian keperluan Syariah dan keperluan operasi. Mengambil kira kesimpulan munasabah daripada silogisme deduktif yang dinyatakan, maka kajian ini mendapati sistem teras perbankan Islam yang digunakan bagi tujuan menyelia transaksi produk atau perkhidmatan berasaskan kontrak *tawarruq* perlu dilengkapi dengan keperluan-keperluan kontrak Syariah tersebut.

PEMBANGUNAN SISTEM TERAS PERBANKAN ISLAM

Pada permulaannya, pembangunan sistem teras perbankan bersifat monolitik yang memerlukan peralatan dan premis secara fizikal. Pada masa kini, pembangunan sistem teras perbankan lebih ringan berbanding pada era permulaan di mana vendor-vendor mula memperkenalkan ciri-ciri baharu seperti pengkalan data secara storan awan (*cloud storage*) dan mampu dikonfigurasi bagi memudahkan proses automasi. Othman Abdullah dalam temu bualnya menjelaskan satu contoh kes di mana Bank Islam Malaysia pernah melantik Silverlake sebagai salah satu vendor sistem teras perbankan Islam untuk mengautomasi dan memusatkan (*centralize*) pengurusan produk perbankan Islamnya, yang mana pada sekitar tahun 1997 pengurusan produk perbankannya masih bersifat manual, tidak berpusat pada satu sistem tertentu dan mempunyai cabaran dalam menghasilkan pelaporan. Pendekatan pembangunan sistem teras perbankan Islam kemudian berubah ke arah objektif memantapkan aspek operasi perbankan seperti memendekkan masa pusing balik (*turnaround time*) bagi setiap proses perbankan. Sebagai contoh integrasi profil pemohon

menggunakan nombor kad pengenalan, pemilihan produk berasaskan kod, saringan insolvensi pemohon dan automasi pengiraan pembayaran. Beberapa contoh-contoh yang dinyatakan boleh dilihat secara jelas dalam sistem teras perbankan sama ada yang menyelia dan merekod transaksi perbankan konvensional mahupun perbankan Islam.

Kajian terdahulu berkaitan pembangunan sistem teras perbankan berasaskan parameter Syariah telah dijalankan oleh Halimah et al. (2008). Kajian tersebut menjelaskan pembangunan sistem teras perbankan berasaskan parameter Syariah mampu menjalankan kefungsiannya ke atas produk perbankan deposit dan pembiayaan Islam. Sistem teras perbankan tersebut dibangunkan untuk menyahut aspirasi sistem perbankan bebas faedah (*interest free banking system*) kerana pengkaji terdahulu berpandangan bahawa sistem teras perbankan sedia ada mempunyai banyak limitasi sehingga sukar untuk menghasilkan produk perbankan baharu serta tidak kesemua sistem teras perbankan sedia ada dibangunkan berasaskan parameter Syariah. Permasalahan tersebut akhirnya membuatkan sistem teras perbankan sedia ada tidak dapat memenuhi jangkaan pengguna iaitu institusi perbankan Islam. Penghasilan parameter dalam sistem teras perbankan tersebut adalah berpandukan prinsip-prinsip Syariah yang diambil dari rujukan muktabar seperti al-Quran, hadis dan perbezaan pandangan mazhab berkaitan kontrak Syariah.

Berdasarkan kajian terdahulu tersebut, terdapat keperluan untuk institusi perbankan yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam menyemak semula metodologi pembangunan sistem teras perbankan sedia ada dengan mengambil kira aspek mitigasi risiko Syariah dan bukan semata-mata mempercepatkan proses sedia ada. Walaupun tiada bukti empirikal menunjukkan risiko operasi perbankan Islam lebih tinggi daripada perbankan konvensional, namun umum mengetahui bahawa risiko Syariah adalah risiko unik yang hanya terdapat pada transaksi perbankan Islam (Safiullah & Shamsuddin 2018).

Metodologi pembangunan sistem teras perbankan lazimnya ditentukan berdasarkan permintaan pengguna sistem teras perbankan. Othman Abdullah menjelaskan institusi perbankan konvensional yang dibenarkan menjalankan aktiviti perbankan Islam melalui jendela perbankan Islamnya (*Islamic banking window*) mempunyai jangkaan permintaan keperluan sistem teras perbankan yang berbeza dengan permintaan daripada institusi perbankan Islam. Bentuk permintaan pengguna tersebut boleh dilihat melalui tiga inisiatif pembangunan sistem teras perbankan Islam sedia ada.

Inisiatif pertama adalah penggubahan (*conversion*). Inisiatif ini merujuk kepada modifikasi parameter sistem teras perbankan yang lama kepada parameter baharu yang bersesuaian. Inisiatif ini sama seperti cadangan Liu et al. (2009) untuk membaik

pulih sistem teras perbankan sedia ada. Misalnya parameter sistem teras perbankan konvensional akan diubah dengan parameter baharu yang bersesuaian dengan operasi perbankan Islam. Institusi perbankan konvensional yang dibenarkan menawarkan produk perbankan Islam melalui jendela Islamnya (*Islamic window*) perlu melakukan banyak modifikasi untuk memastikan pemisahan buku perakaunan dan pelaporan, pemisahan secara total diwujudkan antara kefungsiannya konvensional dan kefungsiannya perbankan Islam khususnya berkaitan kod pengaturcaraan, pengkalan data dan aktiviti antara muka (*interfaces*).

Malah, perkara-perkara seperti kos, keberangkalian kerja-kerja integrasi antara modul atau teknologi lain di luar sistem teras perbankan, prestasi sistem teras perbankan setelah beberapa proses ditambah, dan kepuashatian pengguna akhir merupakan antara pertimbangan lain ketika aktiviti penggubahan sistem teras perbankan dilaksanakan. Disebabkan itulah institusi perbankan yang dibenarkan untuk menawarkan produk perbankan konvensional dan perbankan Islam lebih gemar menggunakan sistem teras perbankan yang sama dengan pemisahan aktiviti perbankan konvensional dan aktiviti perbankan Islam dibuat di dalam sistem teras perbankan itu sendiri. Mohd Rizal Abdul Rahman ketika menjelaskan pengalamannya dalam memodifikasi sistem teras perbankan yang pada asalnya dibangunkan untuk perbankan konvensional dengan memasukkan proses berkaitan keperluan-keperluan Syariah telah menyatakan terdapat dua pertimbangan yang beliau ambil sebelum proses modifikasi dilakukan iaitu keperluan-keperluan daripada pengguna akhir iaitu institusi kewangan dan kemampuan untuk menterjemah keperluan-keperluan Syariah kepada parameter dan proses dalam sistem teras perbankan. Apatahlagi jika terdapat proses yang belum wujud dalam mana-mana modul sistem teras perbankan sedia ada seperti transaksi jual beli komoditi di bawah kontrak *tawarruq*.

Inisiatif ini mempunyai risiko Syariah tersendiri kerana modifikasi yang dilakukan tidak menyeluruh dan hanya terhad kepada parameter operasi produk perbankan Islam yang ditawarkan sahaja. Keadaan ini boleh mengakibatkan beberapa parameter legasi yang bercanggah dengan prinsip kontrak Syariah masih wujud dalam sistem tersebut. Sebagai contoh caj untung minimum dalam fasiliti overdraf. Dari perspektif perbankan konvensional, caj untung minimum tidak ada risiko kepatuhan. Namun jika overdraf itu berasaskan prinsip kontrak *tawarruq*, maka caj untung minimum mempunyai risiko Syariah kerana bercanggah dengan kadar untung yang ditetapkan semasa kontrak dan tidak menepati prinsip *ibrā'* di Malaysia (jika kadar siling digunakan). Jika aspek operasi fasiliti overdraf sahaja diberikan penekanan, maka parameter caj untung minimum akan terlepas pandang kerana institusi perbankan

lebih memfokuskan kepada penambahan parameter operasi seperti transaksi komoditi.

Inisiatif kedua adalah pembangunan baharu (*greenfield*). Inisiatif ini merujuk kepada pembangunan sistem tersebut tanpa sebarang asas daripada sistem teras perbankan yang lain. Menurut Mohd Zamri Yusoff, kewujudan risiko Syariah di bawah inisiatif ini adalah bergantung kepada sejauh mana parameter ditetapkan dan dipadankan dalam sistem teras perbankan yang dibangunkan. Inisiatif ini membawa kepada usaha menjustifikasi semula definisi sistem teras perbankan sedia ada yang lebih menjurus kepada pemrosesan data dan rekod transaksi. Ini kerana sistem teras perbankan Islam dilengkapi dengan keperluan-keperluan kontrak Syariah seperti pihak-pihak berkontrak, jual beli aset, kapasiti undang-undang untuk berkontrak dan seumpamanya, di mana keperluan-keperluan ini selalunya dibina di luar daripada sistem teras perbankan sedia ada. Dalam erti kata lain, sistem teras perbankan Islam tidak boleh berfungsi seperti sistem teras perbankan konvensional dan solusi teknologinya perlulah menyentuh keseluruhan aspek pematuhan Syariah. Pandangan ini selari dengan cadangan Ebadi (2007) yang memperkenalkan metodologi pembangunan *Advance Banking System* yang menjadikan sistem teras perbankan sebagai sebahagian daripada modul sistem tersebut.

Sebagai contoh dalam produk pembiayaan berasaskan *tawarruq*, pembayaran (*disbursement*) perlu dibuat setelah transaksi komoditi selesai dan bukan sebelumnya. Namun jika parameter dibina hanya mengambilkira aspek operasi perbankan semata-mata, maka parameter yang dibina akan terlepas pandang tentang tertib jujukan (*sequence*) kontrak *tawarruq*. Antara implikasi yang akan berlaku dalam kes ketidakpatuhan tertib jujukan tersebut adalah untung yang direalisasikan sebagai pendapatan bank telah menjadi pendapatan yang tercemar (*tainted income*) dengan elemen *ribā*.

Penggantian (*replacement*) adalah inisiatif ketiga. Inisiatif ini merujuk kepada penggantian sistem teras perbankan sedia ada kepada sistem teras perbankan baharu dari versi atau vendor yang berbeza. Inisiatif ini bergantung kepada tahap keyakinan pengguna terhadap keupayaan sistem teras perbankan baharu atau terdapat modul yang lebih efisien berbanding modul sedia ada. Dari sudut risiko Syariah, inisiatif ini mewarisi risiko yang sama dengan inisiatif pertama dan kedua.

Othman Abdullah menjelaskan bahawa pembangunan sistem teras perbankan perlu memastikan kemampuan asas sistem tersebut dipenuhi terlebih dahulu sebelum memasukkan elemen pematuhan Syariah di dalamnya. Sistem teras perbankan secara asasnya boleh ubah (*flexible*) untuk memudahkan penghasilan produk, boleh dikonfigurasi (*configurable*), boleh diskala (*scalable*) bagi menangani volum transaksi, selamat (*secure*),

dan mudah suai (*adaptive*) bagi menangani keperluan-keperluan berperaturan (*regulatory requirements*). Ini kerana berdasarkan pengalaman Mohd Zamri Yusof ketika membangunkan sistem teras perbankan Islam, kebanyakan masa digunakan untuk menghubungkan antara keperluan-keperluan Syariah dengan keperluan operasi untuk memastikan sistem teras perbankan masih kekal dengan kemampuan asasnya sebagai satu sistem yang teguh (*robust*). Sebagai contoh, terdapat model perniagaan perbankan yang tidak selesa dengan keperluan kontrak muamalat seperti pemindahan aset kepada institusi perbankan sebelum pemeteraian kontrak. Maka penyelesaian keperluan operasi dan keperluan Syariah tersebut membawa kepada konsep *tawarruq* bagi menyelesaikan perkara tersebut, yang akhirnya membawa kepada pertambahan proses dalam sistem teras perbankan.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga inisiatif tersebut, dapat difahami bahawa bentuk permintaan pengguna khususnya institusi perbankan lebih menjurus kepada pemilihan sistem teras perbankan yang dapat memenuhi keperluan operasi perbankan Islam. Shakina Nabila Nordin dalam temu bualnya menjelaskan bahawa perkembangan semasa dalam industri perbankan Islam di Malaysia terutama setelah polisi dokumen ORION (*Operational Risk Integrated Online Network (ORION) Policy Document*, Bank Negara Malaysia, telah dikemaskini pada 3 Mei 2017 dan efektif pada 31 Julai 2017) dikemaskini oleh Bank Negara Malaysia adalah kesemua isu risiko operasi termasuk melibatkan isu risiko Syariah perlu dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia mengikut garis masa yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi garis panduan ORION akan membawa kepada tindakan penguatkuasaan oleh Bank Negara Malaysia. Mohammad Mahbubi Ali menjelaskan walaupun teknologi tidak mempunyai status patuh Syariah dengan sendirinya, namun isu ketidakpatuhan Syariah masih boleh berlaku kerana penetapan proses dan parameter serta penggunaan dan pembangunan teknologi tersebut mempunyai faktor manusia.

Suatu sistem teras perbankan Islam perlu mematuhi Syariah dan standard berperaturan (*regulatory standard*) yang berkaitan. Sama seperti yang dijelaskan oleh Ridwan & Kamili (2015), suatu sistem teras perbankan Islam perlu mempunyai kemampuan untuk merangkum kesemua aktiviti perniagaan perbankan, menyediakan pengalaman yang konsisten kepada pelanggan bank, menyediakan akses kepada bank untuk melihat transaksi perbankan dan akses kepada pelanggan untuk melihat produk dan perkhidmatan, membekal informasi berkaitan laporan dan pengurusan risiko, mempunyai enjin pengagihan keuntungan beserta kemampuan menjalankan senario kebarangkalian sebelum pengagihan dilaksanakan, dan mematuhi undang-undang Syariah serta standard perakaunan. Kegagalan mematuhi Syariah dan peraturan berkaitan akan membawa kepada kejadian ketidakpatuhan Syariah. Ketidakpatuhan Syariah

dalam perbankan Islam di Malaysia boleh berlaku dalam dua keadaan sama ada bercanggah dengan prinsip Syariah atau bercanggah dengan kepatuhan Syariah di bawah seksyen 29 (1), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Mahmor Az-Zakwan Shafaai berpandangan kefahaman mendalam berkenaan pengoperasian produk perbankan Islam adalah penting untuk memastikan parameter keperluan Syariah yang relevan diletakkan dalam sistem teras perbankan. Dalam memahami risiko Syariah dalam aktiviti perbankan Islam di Malaysia, penelitian terhadap objektif Syariah dalam kewangan Islam adalah perlu. Objektif Syariah adalah kunci kepada kefahaman keperluan Syariah yang sebenar.

Hasan (2011) telah memetik perbincangan al-Ghazzālī yang turut disokong oleh kenyataan al-Shāṭibī dalam kitab *al-Muwāfaqāt* yang menjelaskan tentang kepentingan *maṣlahah* dalam *maqāṣid al-Sharī'ah* dan objektif utama Syariah adalah untuk melindungi kebajikan masyarakat dan menegakkan keadilan. Malah, al-Ghazzālī telah menyusun secara sistematik prioriti *ḍarūriyyāt* (keperluan) kepada lima iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Melalui lima keperluan tersebut, aktiviti perbankan harian termasuk di bawah *ḍarūriyyāt* menjaga harta kerana ia melibatkan pengagihan kekayaan ekonomi (*economic wealth*).

Ibn 'Āshūr menjelaskan bahawa terdapat lima objektif Syariah dalam kekayaan ekonomi iaitu *rawāj* (kebolehpasaran/*marketability*), *wuḍūh* (ketelusan/*transparency*), *hifz* (penjagaan/*preservation*), *thabāt* (ketahanan/*durability*) dan *'adl* (keadilan/*equity*). Bagi perbankan Islam pula, objektif Syariahnya adalah pengagihan kekayaan (*wealth circulation*), amalan kewangan yang saksama dan telus (*fair and transparent financial practices*), dan keadilan dari sudut makro dan mikro (*justice in macro- and micro-dimensions*) (Laldin & Furqani 2013). Objektif syariah dalam perbankan Islam yang dikemukakan oleh Laldin & Furqani (2013) tersebut hampir sama dengan apa yang dibentangkan oleh Ibn 'Āshūr kerana kefahaman nas dan teks kajian cedekiawan terdahulu telah digunakan sebagai rujukan oleh cedekiawan terkemudian untuk menghubungkan objektif Syariah ke dalam konteks realiti semasa. Pendekatan ini penting supaya setiap resolusi atau keputusan Syariah yang dikeluarkan masih dalam kerangka umum prinsip Syariah yang digariskan cedekiawan terdahulu dan tindakan yang diambil hasil daripada resolusi Syariah tersebut mampu mencapai objektif Syariah yang lebih umum.

Bagi mencapai objektif Syariah dalam perbankan Islam, maka wasilah atau medium perantara untuk mencapai objektif Syariah perlu dibangunkan. Pembangunan sistem teras perbankan berasaskan kontrak Syariah perlu menjadi wasilah kepada *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam perbankan Islam masa kini, khususnya di Malaysia. Maka, metodologi pembangunan sistem teras perbankan berasaskan

kontrak Syariah perlu memenuhi kriteria wasilah objektif Syariah dalam perbankan Islam.

Maqāṣid al-Sharī'ah bersifat tetap sedangkan *wasā'il* tertakluk kepada perubahan yang perlu disesuaikan mengikut ketetapan objektif Syariah. Kreativiti diperlukan untuk menghasilkan *wasā'il* yang bersesuaian dengan *maqāṣid*. Sebagai contoh, pengenalan Akta Bank Islam 1983 (telah dimansuhkan) boleh dianggap sebagai wasilah objektif Syariah dalam perbankan Islam di Malaysia pada waktu itu. Akta yang dimansuhkan tersebut menjadi undang-undang utama yang menyelia institusi perbankan Islam pada waktu itu. Selepas 30 tahun, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 diperkenalkan setelah industri perbankan Islam di Malaysia semakin berkembang dan kompleks. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengeluarkan standard atau peraturan berkaitan perbankan Islam. Maka Bank Negara Malaysia melalui kuasa yang diberikan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 menerbitkan pelbagai standard dan polisi dokumen berkaitan aktiviti perbankan Islam yang wajib dipatuhi oleh kesemua institusi perbankan di Malaysia. Salah satu polisi dokumen yang diterbitkan adalah polisi dokumen *tawarruq*.

KEPERLUAN SYARIAH KONTRAK TAWARRUQ

Berdasarkan polisi dokumen kontrak *tawarruq* yang diterbitkan Bank Negara Malaysia, suatu keperluan-keperluan *tawarruq* prataktif boleh dihasilkan. Kajian ini merumuskan terdapat tiga komponen utama keperluan kontrak Syariah dalam *tawarruq* iaitu ciri-ciri utama, rukun-rukun dan kombinasi kontrak Syariah. Kesemua komponen ini diperincikan peruntukannya dalam Bahagian B: Keperluan-Keperluan Syariah dan Amalan Pilihan, polisi dokumen kontrak *tawarruq*.

1. Komponen Pertama: Ciri-Ciri Utama

Di bawah komponen ciri-ciri utama, terdapat empat sub-komponen yang melengkapkan keperluan Syariah universal di bawah komponen ini iaitu definisi kontrak, sifat kontrak, pembubaran kontrak dan penamatan kontrak. Definisi kontrak bagi *tawarruq* adalah satu konsep yang menjelaskan tentang sekurang-kurangnya terdapat dua kontrak jual-beli yang berasingan melibatkan pihak berkontrak. Kontrak pertama adalah penjual menjual aset kepada pembeli secara pembayaran bertangguh. Kontrak kedua adalah pembeli pada kontrak pertama menjual aset kepada pihak ketiga secara tunai. Sifat kontrak di bawah *tawarruq* pula merujuk kepada kontrak yang dimeterai merupakan kontrak bilateral dan mengikat dari sudut undang-undang. Kontrak ini memerlukan satu bentuk balasan hasil daripada pindah milik aset pendasar daripada penjual kepada pembeli.

Strukturanya boleh ditentukan berdasarkan keperluan antara kontrak *murābahah* yang mewajibkan obligasi pendedahan jumlah kos dan keuntungan yang terlibat dalam aktiviti jual-beli aset pendasar, atau distruktur berdasarkan kontrak *musāwamah* yang tidak mewajibkan pendedahan harga kos dan keuntungan aset pendasar. Penting bagi setiap transaksi jual beli di bawah konsep *tawarruq* untuk menepati syarat sah kontrak jual beli dari sudut Syariah seperti kewujudan pihak-pihak berkontrak, aset pendasar, dan *ījāb-qabūl*. Selain itu, oleh kerana terdapat lebih dari satu kontrak jual-beli dalam *tawarruq*, maka setiap kontrak jual-beli yang terlibat perlulah berasingan, tidak terikat dan tidak disyaratkan perlaksanaannya antara satu sama lain. Bagi tujuan tersebut, maka setiap transaksi perlulah dibuktikan melalui dokumen atau apa-apa bentuk rekod yang sewajarnya. Malah, bukti ini juga penting untuk memastikan setiap aset pendasar dimiliki terlebih dahulu oleh penjual sebelum aset pendasar tersebut dijual kepada pembeli. Selain itu, pembeli pula mempunyai hak untuk menerima aset pendasar kepadanya tanpa sebarang halangan, jika pembeli minta aset pendasar dihantar kepadanya. Maka terma kontrak tidak boleh memuatkan sebarang klausa yang menafikan hak pembeli ke atas penghantaran aset pendasar. Jika aset pendasar telah selesai dijual beli atau kontrak jual-beli selesai dimeterai, maka barulah pihak penjual menuntut atau pihak pembeli membayar harga jualan bertanggung. Bagi pembubaran kontrak, kontrak jual-beli di bawah *tawarruq* akan terubur apabila: (1) pembeli menggunakan *khiyār al-‘ayb* untuk menamatkan kontrak; atau (2) mana-mana pihak berkontrak menggunakan pilihan yang dipersetujui bersama untuk menamatkan kontrak dalam tempoh yang ditetapkan; atau (3) salah satu pihak berkontrak menggunakan pilihan untuk menamatkan kontrak kerana terdapat pelanggaran terma kontrak; atau (4) pihak-pihak berkontrak sepakat bersetuju menamatkan kontrak. Kontrak juga boleh terubur dalam situasi aset pendasar gagal dijual ke pihak ketiga. Jika aset pendasar belum dijual ke pihak ketiga, aset perlu dipulangkan kepada penjual dan harga jualan yang telah dibayar perlu dipulangkan kepada pembeli. Pembubaran hanya efektif jika aset dapat dipulangkan kepada penjual. Jika gagal, penjual berhak menerima nilai aset tersebut. Penamatan kontrak jual-beli dalam *Tawarruq* boleh berlaku setelah penyelesaian penuh harga jualan dilunaskan. Selain daripada penyelesaian penuh, terdapat beberapa keadaan yang membawa kepada penamatan kontrak tersebut seperti: (1) setelah pemindahan obligasi pembayaran hutang kepada pihak ketiga melalui *hawālah al-dayn*; atau (2) setelah penjual mengugurkan haknya ke atas jumlah tunggakan melalui rebat (*ibra’*); atau (3) setelah tanggungjawab hutang ditolak selesai antara pihak berkontrak melalui konsep *muqassah*. Penamatan kontrak ini membawa

kepada pihak-pihak berkontrak bebas daripada tanggungjawab, obligasi dan liabiliti kontrak.

2. Komponen Kedua: Rukun-Rukun

Di bawah komponen rukun-rukun, terdapat empat sub-komponen yang melengkapkan keperluan Syariah universal di bawah komponen ini iaitu pihak-pihak berkontrak, tawaran dan penerimaan, aset atau manfaat dan harga. Pihak-pihak berkontrak dalam *tawarruq* perlu terdiri daripada penjual dan pembeli. Penjual tidak boleh memiliki semula aset pendasar dengan cara membeli aset pendasarnya daripada dirinya sendiri. Oleh sebab itu disyaratkan penjual pada kontrak jual beli pertama tidak boleh menjadi pembeli pada kontrak jual beli kedua. Sungguhpun begitu, pihak-pihak berkontrak boleh menggunakan wakil dalam kontrak jual beli bagi memiliki aset bagi pihak *muwakkil*. Kesemua pihak yang terlibat dalam transaksi jual-beli perlu mempunyai kapasiti undang-undang untuk berkontrak.

Setiap kontrak jual beli perlu dimeterai melalui *ījāb* (tawaran) dan *qabūl* (penerimaan) oleh pihak-pihak berkontrak. *Ījāb* dan *qabūl* oleh pihak-pihak berkontrak perlu dibuktikan melalui dokumen atau rekod yang sewajarnya. Dalam *tawarruq*, *ījāb* dan *qabūl* oleh pihak-pihak berkontrak perlu dilakukan mengikut urutan jujukan kontrak jual beli pertama, seterusnya kontrak jual beli kedua. Aset pendasar mestilah diiktiraf Syariah sebagai bernilai, boleh dikenal pasti, boleh dihantar dan dimiliki penjualnya. Aset pendasar juga boleh dalam bentuk keseluruhan atau sebahagian sama ada yang disatukan atau boleh dipecahkan. Amalan menyatukan atau memecahkan aset pendasar perlulah mengikut prinsip yang diiktiraf Syariah seperti dalam konsep *māl musytarak*. Sungguhpun begitu aset pendasar tidak boleh terdiri daripada emas, perak, matawang, aset yang akan dibina atau sedang dibina, dan yang bersifat hutang. Pemerolehan aset pendasar boleh dilakukan melalui pembekal, broker atau apa-apa cara pemilikan yang mematuhi prinsip Syariah. Jika aset pendasar tidak ditunjukkan semasa *majlis al-‘aqd*, penjual perlu menjelaskan butiran aset pendasar seperti jenis, betuk, jumlah, saiz dan seumpamanya. Pindah milik aset berlaku apabila penjual dan pembeli memeterai kontrak jual beli, walaupun tiada pendaftaran pemilikan dari sudut undang-undang. Ini kerana pemilikan boleh berlaku secara fizikal (*qabḍ haqiqi*) atau secara konstruktif (*qabḍ hukmi*), dan efektif apabila penjual melepaskan aset kepada pembeli (*takhliyah*) melalui mekanisme yang diiktiraf Syariah seperti amalan perniagaan (*‘urf tijāri*) supaya pembeli mempunyai akses ke atas aset (*tamkin*) untuk mengambil risiko pemilikan. Pembeli perlu memiliki aset sebelum menjualnya ke pihak ketiga. Ini bertujuan memberi ruang kepada pembeli untuk melihat keadaan aset pendasar yang dibelinya sama ada terdapat kecacatan atau tidak. Pembeli berhak ke atas *khiyār al-‘ayb* jika terdapat kecacatan terhadap


aset berlaku sebelum pemeteraian kontrak jual beli. Pembeli boleh memilih untuk menamatkan kontrak atau meminda terma kontrak atau menerima kontrak seperti sedia ada. Secara umumnya, penjual mempunyai liabiliti kecacatan aset sebelum dipindah milik ke pembeli. Kecacatan pada aset pendasar yang ditemui dan dibenarkan oleh pembeli semasa pemeteraian kontrak jual beli akan melucutkan hak pembeli ke atas *khiyār al-'ayb*. Penjual dan pembeli boleh bersepakat menetapkan tempoh masa *khiyār al-'ayb* semasa kontrak jual beli berlaku atau sepakat untuk mengugurkan liabiliti penjual ke atas kecacatan aset sebelum melakukan kontrak jual beli. Selain itu, aset pendasar tidak boleh digunakan pada transaksi lain pada masa yang sama. Salah satu cara memastikan tidak berlaku penggunaan aset pendasar yang sama pada transaksi lain secara serentak adalah aset-aset penjual perlu dipastikan antara satu sama lain sama ada melalui cara memisahkan, atau merekod nombor dokumen dan seumpamanya. Jika sekumpulan aset pendasar dihipunkan dalam satu transaksi yang sama oleh pihak-pihak berkontrak yang sama, maka transaksi sebegini adalah dibenarkan. Harga yang digunakan dalam *tawarruq* perlu disepakati pihak-pihak berkontrak semasa pemeteraian kontrak jual beli. Jika kontrak *murābahah* dipilih sebagai asas struktur dalam *tawarruq*, keperluan untuk menjelaskan kos dan keuntungan perlu dipatuhi. Harga bagi setiap kontrak jual beli boleh dibayar pada bila-bila masa setelah pemeteraian kontrak berdasarkan terma yang telah dipersetujui. Penjadualan semula tunggakan harga kontrak jual beli boleh dilakukan setelah disepakati pihak-pihak berkontrak. Penjadualan semula tidak boleh meningkatkan tunggakan hutang sedia ada. Tanggungjawab hutang yang baharu boleh dihasilkan melalui kaedah penstrukturan semula bagi tujuan menolak selesai tanggungjawab hutang yang lama dalam *tawarruq* setelah disepakati oleh pihak-pihak berkontrak. Penstrukturan semula hanya boleh diberikan kepada penghutang yang solven.

3. Komponen Ketiga: Kombinasi Kontrak Syariah

Di bawah komponen kombinasi kontrak Syariah, telah dikenalpasti sekurang-kurangnya sembilan kontrak Syariah yang melengkapkan keperluan-keperluan Syariah di bawah komponen ini iaitu *wakalah* termasuk dwi-wakil, *wa'ad*, *takaful*, *rahn*, *hāmish jiddiyah*, *ibra'*, *ta'wīd*, dan *gharāmah*. Secara umumnya, pihak-pihak berkontrak boleh melantik wakil untuk melaksanakan tanggungjawab bagi pihak *muwakkil* dalam transaksi jual-beli. Konsep dwi-wakil dibolehkan bagi memudahkan urusan pihak-pihak berkontrak selain bagi tujuan mitigasi risiko kegagalan respons dari salah satu pihak berkontrak. Dwi-wakil membawa maksud pelantikan wakil bagi dua peranan wakil iaitu wakil belian dan wakil jualan dalam setiap kontrak jual-beli di bawah *tawarruq*. Selain itu, *wa'ad* juga boleh digunakan sebagai janji oleh pembeli untuk membeli aset daripada penjual. *Kafalah* boleh digunakan jaminan sebagai sekuriti terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli, selain sekuriti lain seperti perlindungan takaful, cagaran (*rahn*) dan wang deposit jaminan (*hāmish jiddiyah*). Amalan rebat jugak boleh dilaksanakan melalui konsep *ibra'* dan kebiasaannya digunakan dalam kes penyelesaian awal di mana pihak pemiutang akan memberikan rebat ke atas jumlah keuntungan belum terakru atau dalam kes kadar keuntungan efektif digunakan berbanding kadar keuntungan siling. Manakala dalam kes kelewatan pembayaran, konsep *ta'wīd* dan/atau *gharāmah* boleh digunakan. *Ta'wīd* merupakan satu bentuk ganti rugi yang boleh dinikmati sebagai sebahagian pendapatan pemiutang, manakala *gharāmah* pula adalah penalti dan terhasil daripada kada caj lewat bayar selepas ditolak kadar *ta'wīd*. *Gharāmah* perlu disalurkan bagi tujuan kebajikan dan tidak boleh dijadikan sebagai pendapatan pemiutang.

CADANGAN PENGOPERASIAN KONTRAK TAWARRUQ DALAM SISTEM TERAS PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA

Berdasarkan temubual dengan Mohd Zamri Yusoff, kajian ini mendapati proses asas bagi sistem teras perbankan Islam adalah seperti Rajah 1.



Rajah 1. Proses asas sistem teras perbankan Islam

Berdasarkan Rajah 1, proses permohonan adalah merupakan permulaan kepada aktiviti sistem teras perbankan. Proses ini merangkumi penghasilan maklumat pelanggan melalui kod unik dan dipadankan dengan kod produk bagi menentukan produk yang dimohon oleh pelanggan. Permohonan ini juga dikodkan bagi memudahkan padanan maklumat di proses berikutnya. Antara maklumat lain yang direkod ketika proses ini adalah seperti tarikh permohonan, tempoh kontrak dan kadar keuntungan. Proses kedua adalah menentukan kos atau jumlah pembiayaan mahu pun deposit. Padanan kod pelanggan dan permohonan memudahkan maklumat yang telah direkod pada proses sebelumnya. Antara maklumat lain yang direkod ketika proses ini adalah jenis kos. Berbeza dengan proses kedua, proses ketiga pula bertujuan untuk merekod caj yang dikenakan ke atas pelanggan seperti keuntungan, upah dan caj- caj lain yang berkaitan. Padanan kod pelanggan dan permohonan memudahkan maklumat yang telah direkod pada proses sebelumnya. Antara maklumat lain yang direkod ketika proses ini adalah jenis caj dan kekerapan pembayaran.

Seterusnya adalah proses cagaran. Bagi proses ini, maklumat berkaitan cagaran akan direkodkan. Padanan kod pelanggan dan permohonan memudahkan maklumat yang telah direkod pada proses sebelumnya. Di peringkat proses tawaran, maklumat berkaitan dokumen tawaran kepada pelanggan akan direkodkan. Antaranya terma dokumen tawaran yang direkodkan adalah tempoh kontrak dan jenis kadar keuntungan. Padanan kod pelanggan, produk dan permohonan memudahkan maklumat yang telah direkod pada proses sebelumnya. Proses penerimaan pula merupakan respons mandatori terhadap proses tawaran. Secara umumnya merekodkan penerimaan pelanggan terhadap terma-terma tawaran. Padanan kod pelanggan, produk dan permohonan memudahkan maklumat yang telah direkod pada proses sebelumnya. Antara maklumat lain yang direkodkan adalah tempoh tertutup dan tempoh tangguh pembiayaan tak berbayar.


Proses berikutnya adalah penghasilan nombor akaun. Nombor akaun yang dihasilkan adalah unik bagi setiap pelanggan dan bertujuan memudahkan proses berikutnya berkaitan pelepasan pembiayaan (termasuk deposit) dan pembayaran. Setelah nombor akaun dihasilkan, sistem teras perbankan akan merekodkan bahawa pelanggan sudah layak untuk menerima jumlah pembiayaan yang diluluskan. Antara maklumat yang direkodkan termasuklah amaun pembiayaan (termasuk amaun deposit yang diterima jika produknya berkaitan deposit) dan tarikh pelepasan pembiayaan.

Proses terakhir adalah penghasilan jadual pelunasan atau pembayaran. Jadual pelunasan akan dihasilkan dengan mengambil kira amaun pembiayaan yang dilepaskan, tarikh pelepasan pembiayaan, tempoh kontrak dan kadar keuntungan bagi menentukan tarikh pembayaran pertama dan berikutnya. Pengiraan ini bergantung kepada formula pengiraan yang ditetapkan. Di bawah proses ini, terdapat beberapa proses yang akan berlaku seperti berikut; 1) Penentuan tempoh pelepasan komitmen bayaran, 2) Perubahan yang dilakukan ke atas jadual pelunasan dan komitmen pembayaran (penjadualan semula) atau perubahan struktur produk (penstrukturan semula), 3) Penetapan kadar caj lewat bayar, 4) Penyelesaian pembayaran termasuk pemberian rebat (jika produk berkaitan pembiayaan) atau pemberian caj lain seperti dividen (jika produk berkaitan deposit), dan 5) Penentuan sama ada akaun tersebut berstatus aktif, dorman, dibubarkan atau ditutup.

Berdasarkan analisis keperluan-keperluan Syariah kontrak *tawarruq*, kajian ini mengenalpasti 17 pecahan proses yang terkesan dalam sistem teras perbankan Islam yang mampu memenuhi tuntutan pematuhan Syariah di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Pecahan aliran tersebut adalah jenis kontrak Syariah, keperluan tawaran, tambahan kontrak Syariah, pihak-pihak berkontrak, *wakalah*, *wa'ad*, *kafalah*, *takaful*, *rahn*, *hāmish jiddiyah*, jujukan kontrak, tawaran dan penerimaan, aset, kos dan caj, jadual pembayaran, pembubaran dan penutupan.

1. Jenis Kontrak Syariah


Pecahan proses ini menjadi penentu awal pematuhan terhadap keperluan kontrak *tawarruq* seperti penentuan sama ada berasaskan struktur *murabahah* atau *musawamah*. Penentuan ini penting untuk memastikan proses berikutnya mematuhi keperluan di bawah *murabahah* seperti perlu mendedahkan nilai kos dan keuntungan kepada pelanggan. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) *Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak jual beli. Kontrak pertama adalah penjual menjual aset kepada pembeli secara pembayaran bertangguh. Kontrak kedua adalah pembeli pada kontrak pertama menjual aset kepada pihak ketiga secara tunai, dan 2) *Tawarruq* boleh distrukturkan berdasarkan kontrak *murābahah* atau *musāwamah*. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses permohonan seperti ditunjukkan Rajah 2.



Rajah 2. Cadangan pecahan proses jenis kontrak Syariah

2. Keperluan Tawaran


Pecahan proses bagi keperluan tawaran menentukan kesesuaian produk mengikut limitasi tertentu seperti umur, pekerjaan atau lokasi, dan memastikan pihak-pihak berkontrak mempunyai kapasiti undang-undang untuk berkontrak. Proses ini juga penting bagi memastikan proses berikutnya mengkehendaki maklumat penjaga direkodkan bagi pemohon yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang untuk berkontrak seperti pembukaan akaun simpanan untuk kanak-kanak. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan pihak-pihak berkontrak perlu mempunyai kapasiti undang-undang untuk berkontrak. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses permohonan seperti ditunjukkan Rajah 3.



Rajah 3. Cadangan pecahan proses keperluan tawaran

3. Tambahan Kontrak Syariah


Pecahan proses bagi tambahan kontrak Syariah yang menentukan kontrak Syariah yang digunakan bagi melengkapkan keseluruhan permohonan produk. Proses ini juga penting bagi memastikan setiap tambahan kontrak Syariah tidak melanggar tuntutan kontrak (*muqtaḍā al-'aqq*) utama iaitu *tawarruq*. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) Perlantikan wakil dalam kontrak jual beli, 2) Perlantikan wakil bagi dua peranan wakil iaitu wakil belian dan wakil jualan, 3) Penggunaan janji oleh pembeli untuk membeli aset daripada penjual, 4) Penggunaan jaminan sebagai sekuriti terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli, 5) Penggunaan perlindungan takaful sebagai sekuriti terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli, 6) Penggunaan cagaran (*rahn*) sebagai sekuriti terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli, 7) Penggunaan wang deposit (*hāmish jiddiyah*) sebagai sekuriti terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli. 8) Penggunaan amalan rebat (*ibra'*) terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli, dan 9) Penggunaan caj bayaran lewat (*ta'wīḍ* atau *gharāmah*) terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses permohonan seperti ditunjukkan Rajah 4.



Rajah 4. Cadangan pecahan proses tambahan kontrak Syariah

4. Pihak-Pihak Berkontrak


Pecahan proses pihak berkontrak menentukan peranan yang akan dipertanggungjawabkan ke atas pihak-pihak berkontrak. Ini termasuklah penjaga bagi pelanggan yang tidak mempunyai kapasiti undang-undang untuk berkontrak seperti kanak-kanak bawah umur. Proses ini juga penting bagi memastikan pihak berkontrak telah dikenalpasti dan ditentukan peranannya dalam proses berkaitan jujukan kontrak di bawah *tawarruq*. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) Transaksi jual beli harus menepati syarat sah kontrak jual beli dari sudut Syariah, 2) Pihak-pihak berkontrak terdiri daripada penjual dan pembeli, 3) Penjual pada kontrak jual beli pertama tidak boleh menjadi pembeli pada kontrak jual beli kedua, dan 4) Pihak-pihak berkontrak perlu mempunyai kapasiti undang-undang untuk berkontrak. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses permohonan seperti ditunjukkan Rajah 5.



Rajah 5. Cadangan pecahan proses pihak-pihak berkontrak

5. Wakālah


Pecahan proses *wakālah* menentukan peranan yang akan dipertanggungjawabkan ke atas wakil-wakil yang dilantik pihak-pihak berkontrak. Proses ini juga penting bagi memastikan wakil bagi pihak berkontrak telah dikenalpasti dan ditentukan peranannya dalam proses berkaitan jujukan kontrak di bawah *tawarruq*. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) Pihak-pihak berkontrak boleh menggunakan wakil dalam kontrak jual beli, 2) Perlantikan wakil dalam kontrak jual beli, dan 3) Perlantikan wakil bagi dua peranan wakil iaitu wakil belian dan wakil jualan. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses permohonan seperti ditunjukkan Rajah 6.



Rajah 6. Cadangan pecahan proses *wakālah*

6. Wa'ad


Pecahan proses *wa'ad* menentukan janji yang dibuat oleh pihak berkontrak. Proses ini juga penting bagi memastikan pihak berkontrak yang menggunakan *wa'ad* melunaskan janjinya seperti pembelian aset pendasar bagi tujuan kelancaran jujukan kontrak di bawah *Tawarruq*. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan penggunaan janji oleh pembeli untuk membeli aset daripada penjual. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses permohonan seperti ditunjukkan Rajah 7.



Rajah 7. Cadangan pecahan proses *wa'ad*

7. Kafālah


Pecahan proses *kafālah* merekodkan maklumat penjamin bagi pihak berkontrak. Proses ini juga penting bagi memastikan penyelesaian tunggakan hutang dapat dilakukan berdasarkan maklumat yang direkod dalam proses ini. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan penggunaan jaminan sebagai sekuriti terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses permohonan seperti ditunjukkan Rajah 8.



Rajah 8. Cadangan pecahan proses *kafālah*

8. *Takaful*


Pecahan proses *takaful* merekodkan maklumat perlindungan *takaful* bagi pihak berkontrak. Proses ini juga penting bagi memastikan penyelesaian tunggakan hutang dapat dilakukan berdasarkan maklumat yang direkod dalam proses ini. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan penggunaan perlindungan takaful sebagai sekuriti terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses permohonan seperti ditunjukkan Rajah 9.



Rajah 9. Cadangan pecahan proses *takaful*

9. *Rahn*


Pecahan proses *rahn* merekodkan maklumat cagaran bagi pihak berkontrak. Proses ini juga penting bagi memastikan penyelesaian tunggakan hutang dapat dilakukan berdasarkan maklumat yang direkod dalam proses ini. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan penggunaan cagaran sebagai sekuriti terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses cagaran seperti ditunjukkan Rajah 10.



Rajah 10. Cadangan pecahan proses *rahn*

10. *Hāmish Jiddiyah*


Pecahan proses *hāmish jiddiyah* merekodkan maklumat cagaran bagi pihak berkontrak. Proses ini juga penting bagi memastikan penyelesaian tunggakan hutang dapat dilakukan berdasarkan maklumat yang direkod dalam proses ini. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan penggunaan wang deposit sebagai sekuriti terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses permohonan seperti ditunjukkan Rajah 11.



Rajah 11. Cadangan pecahan proses *hāmish jiddiyah*

11. **Jujukan Kontrak**


Pecahan proses jujukan kontrak memastikan langkah kontrak-kontrak jual-beli aset pendasar dilaksanakan secara berasingan dan berturutan. Proses ini merupakan proses terpenting bagi memastikan jujukan kontrak dalam *tawarruq* dapat dipatuhi. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut, 1) *Tawarruq* terdiri daripada dua kontrak jual beli. Kontrak pertama adalah penjual menjual aset kepada pembeli secara pembayaran bertangguh. Kontrak kedua adalah pembeli pada kontrak pertama menjual aset kepada pihak ketiga secara tunai, 2) Kontrak *tawarruq* bersifat bilateral dan mengikat, 3) Pindah milik aset pendasar dari penjual kepada pembeli dengan balasan, 4) Boleh distrukturkan berdasarkan kontrak *murabahah* atau *musāwamah*, 5) Harus menepati syarat sah kontrak jual beli dari sudut Syariah, 6) Jika *murābahah* dijadikan asas kontrak Syariah dalam *tawarruq*, keperluan untuk menjelaskan kos dan keuntungan perlu dipatuhi, 7) Setiap kontrak jual dan beli dalam *tawarruq* perlu dilaksanakan secara berasingan dan tidak terikat antara kontrak lain, dan 8) Kontrak jual beli dalam *tawarruq* tidak boleh mengandungi terma yang menghalang hak penghantaran aset kepada pemiliknya. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses penerimaan seperti ditunjukkan Rajah 12.



Rajah 12. Cadangan pecahan proses jujukan kontrak

12. Tawaran dan Penerimaan

Pecahan proses tawaran dan penerimaan memastikan rukun *tjāb* dan *qabūl* dipenuhi. Proses ini juga perincian kepada proses yang terdapat dalam jujukan kontrak di bawah *tawarruq*. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) Harus menepati syarat sah kontrak jual beli dari sudut Syariah, 2) Setiap kontrak jual beli perlu dimeterai melalui *tjāb* dan *qabūl* oleh pihak-pihak berkontrak, 3) *Ijāb* dan *qabūl* oleh pihak-pihak berkontrak perlu dibuktikan melalui dokumen atau rekod yang sewajarnya, 4) *Ijāb* dan *qabūl* oleh pihak-pihak berkontrak perlu dilakukan mengikut urutan kontrak jual beli pertama, seterusnya kontrak jual beli kedua, 5) Aset tidak boleh digunakan pada transaksi lain pada masa yang sama, 6) *Tawarruq* boleh dilakukan ke atas sekumpulan aset oleh pihak-pihak berkontrak yang sama dan pada masa yang sama, dan 7) Harga bagi setiap kontrak jual beli boleh dibayar pada bila-bila masa setelah pemeteraian kontrak berdasarkan terma yang telah dipersetujui. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses proses tawaran dan proses penerimaan seperti ditunjukkan Rajah 13.




Rajah 13. Cadangan pecahan proses tawaran dan penerimaan

13. Aset

Pecahan proses aset merekod maklumat berkaitan pemilikan aset. Proses ini juga perincian kepada proses yang terdapat dalam jujukan kontrak di bawah *tawarruq*. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) Harus menepati syarat sah kontrak jual beli dari sudut Syariah, 2) Perlaksanaan transaksi dalam *tawarruq* perlu dibuktikan melalui dokumen atau rekod yang sewajarnya, 3) Penjual harus memilik aset sebenar sebelum dijadikan sebagai aset pendasar *tawarruq*, 4) Pembeli aset harus mempunyai hak untuk penghantaran aset miliknya, 5) Aset pendasar mesti diiktiraf Syariah sebagai bernilai, boleh dikenal pasti, boleh dihantar dan dimiliki penjualnya, 6) Aset pendasar boleh dalam bentuk keseluruhan atau sebahagian (sama ada yang disatukan atau boleh dipecahkan), 7) Aset yang disatukan boleh dibahagi mengikut amalan yang diiktiraf Syariah, 8) Tidak boleh menggunakan emas, perak, matawang, aset yang akan dibina atau sedang dibina, dan yang bersifat hutang, 9) Aset boleh diperolehi melalui pembekal, broker atau apa-apa cara pemilikan yang mematuhi prinsip Syariah, 10) Penjual perlu menjelaskan butiran aset jika aset tidak ditunjukkan semasa *majlis al-‘aqd*, 11) Pindah milik aset berlaku apabila penjual dan pembeli memeterai kontrak jual beli, walaupun tiada pendaftaran pemilikan dari sudut undang-undang, 12) Pembeli perlu memiliki aset sebelum menjualnya ke pihak ketiga, 13) Pemilikan boleh berlaku secara fizikal (*qabḍ haqiqi*) atau secara konstruktif (*qabḍ hukmi*), 14) Pemilikan efektif apabila penjual melepaskan aset kepada pembeli (*takhliyah*) melalui mekanisme yang diiktiraf Syariah seperti amalan perniagaan (*‘urf tijāri*) supaya pembeli mempunyai akses ke atas aset (*tamkin*) untuk mengambil risiko pemilikan, 15) Penjual mempunyai liabiliti kecacatan aset sebelum dipindah milik ke pembeli, 16) Pembeli berhak ke atas *khiyār al-‘ayb* jika terdapat kecacatan terhadap aset berlaku


sebelum pemeteraian kontrak jual beli. Pembeli boleh memilih untuk menamatkan kontrak atau meminda terma kontrak atau menerima kontrak seperti sedia ada, 17) Kecacatan pada aset yang ditemui dan dibenarkan oleh pembeli semasa pemeteraian kontrak jual beli akan melucutkan hak pembeli ke atas *khiyār al-'ayb*, 18) Penjual dan pembeli boleh bersepakat menetapkan tempoh masa *khiyār al-'ayb* semasa kontrak jual beli berlaku atau sepakat untuk mengugurkan liabiliti penjual ke atas kecacatan aset sebelum melakukan kontrak jual beli, dan 19) Aset-aset penjual perlu dipastikan antara satu sama lain sama ada melalui cara memisahkan, atau merekod nombor dokumen dan seumpamanya. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses penerimaan seperti ditunjukkan Rajah 14.



Rajah 14. Cadangan pecahan proses aset

14. Kos dan Caj


Pecahan proses kos dan caj merekod maklumat berkaitan harga kos, keuntungan, rebat dan caj lewat bayar. Proses ini juga perincian kepada proses yang terdapat dalam jujukan kontrak di bawah *tawarruq*. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) Harga yang digunakan perlu disepakati pihak-pihak berkontrak semasa kontrak dibincangkan pada setiap kontrak jual beli, 2) Penggunaan amalan rebat (*ibra'*) terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli, dan 3) Penggunaan caj bayaran lewat (*ta'widh* dan/atau *gharāmah*) terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses kos dan proses caj seperti ditunjukkan Rajah 15.



Rajah 15. Cadangan pecahan proses kos dan caj

15. Jadual Pembayaran

Pecahan proses jadual pembayaran memperincikan maklumat berkaitan pembiayaan atau deposit termasuklah obligasi kewangan seperti komitmen bulanan, pecahan keuntungan, pecahan caj-caj lain dan seumpamanya. Proses ini hanya boleh dilakukan setelah selesai proses jujukan kontrak. Proses ini juga menentukan bentuk cara penyelesaian tunggakan hutang sama ada melalui pemberian rebat, pelaksanaan caj lewat bayar, penyelesaian hutang melalui sekuriti, penjadualan semula atau penstrukturan semula. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) Pembayaran harga jualan bertanggung tidak boleh dibuat selagi kontrak jual beli tidak dimeterai, 2) Penjadualan semula tunggakan harga kontrak jual beli boleh dilakukan setelah disepakati pihak-pihak berkontrak. Penjadualan semula tidak boleh meningkatkan tunggakan hutang sedia ada, 3) Tanggungjawab hutang yang baharu boleh dihasilkan (penstrukturan semula) bagi tujuan menolak selesai tanggungjawab hutang yang lama dalam *tawarruq* setelah disepakati oleh pihak-pihak berkontrak. Penstrukturan semula hanya boleh diberikan kepada penghutang yang solven, 4) Penggunaan amalan rebat terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli, dan 5) Penggunaan caj bayaran lewat terhadap tanggungjawab pembeli dalam kontrak jual beli. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses jadual pelunasan seperti ditunjukkan Rajah 16.



Rajah 16. Cadangan pecahan proses jadual pembayaran

16. Pembubaran


Pecahan proses pembubaran merekod alasan pembubaran kontrak dalam sistem teras perbankan. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) Kontrak terbubar apabila pembeli menggunakan *khiyār al-‘ayb* untuk menamatkan kontrak, 2) Kontrak terbubar apabila mana-mana pihak berkontrak menggunakan pilihan yang dipersetujui bersama untuk menamatkan kontrak dalam tempoh yang ditetapkan, 3) Kontrak terbubar apabila salah satu pihak berkontrak menggunakan pilihan untuk menamatkan kontrak kerana terdapat pelanggaran terma kontrak, 4) Kontrak terbubar apabila pihak-pihak berkontrak sepakat bersetuju menamatkan kontrak, dan 5) Jika aset belum dijual ke pihak ketiga, aset perlu dipulangkan kepada penjual dan harga jualan yang telah dibayar perlu dipulangkan kepada pembeli. Pembubaran hanya efektif jika aset dapat dipulangkan kepada penjual. Jika gagal, penjual berhak menerima nilai aset tersebut. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses jadual pelunasan seperti ditunjukkan Rajah 17.



Rajah 17. Cadangan pecahan proses pembubaran

17. Penutupan

Pecahan proses penutupan merekod alasan penutupan akaun dalam sistem teras perbankan. Pecahan proses ini dibuat bagi memenuhi keperluan berikut; 1) Pembeli aset harus mempunyai hak untuk penghantaran aset miliknya, 2) Kontrak tamat setelah penyelesaian penuh harga jualan dilunaskan, 3) Kontrak tamat setelah pemindahan obligasi pembayaran hutang kepada pihak ketiga melalui *hawālah al-dayn*, 4) Kontrak tamat setelah penjual mengugurkan haknya ke atas jumlah tunggakan melalui rebat (*ibra'*), 5) Kontrak tamat setelah tanggungjawab hutang ditolak selesai antara pihak berkontrak melalui konsep *muqassah*, dan 6) Penamatan kontrak membawa kepada pihak-pihak berkontrak bebas daripada tanggungjawab kontrak. Berdasarkan proses asas sistem teras perbankan yang telah dijelaskan sebelum ini, kajian ini mencadangkan pecahan proses ini dimuatkan dalam proses jadual pelunasan seperti ditunjukkan RAJAH 18.



RAJAH 18. Cadangan pecahan proses penutupan

Berdasarkan analisis keperluan-keperluan Syariah kontrak *tawarruq*, kajian ini mengenalpasti 17 pecahan proses yang terkesan dalam sistem teras perbankan Islam. Cadangan pengoperasian kontrak *tawarruq* dengan menjadikan polisi dokumen *tawarruq* terbitan Bank Negara Malaysia adalah supaya sistem teras perbankan Islam di Malaysia boleh dioperasikan secara patuh Syariah berdasarkan peruntukan seksyen 28 dan 29, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

PENUTUP

Kajian ini telah memperincikan analisis keperluan-keperluan kontrak *tawarruq* dengan mengkategorikannya mengikut tiga komponen utama iaitu ciri-ciri utama, rukun-rukun dan kombinasi kontrak Syariah. Melalui analisis ini, kajian ini telah memberi cadangan pengoperasian kontrak *tawarruq* dalam sistem teras perbankan Islam di Malaysia. Kaedah pengoperasian yang dicadangkan kajian ini adalah bertujuan untuk memenuhi tuntutan aspek pematuhan Syariah sebagaimana diperuntukkan seksyen 28 dan 29, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

RUJUKAN

- Abdullah, N.N.S. & Daud, M.Z. 2021. Kontrak Musharakah Mutanaqishah Dalam Pembiayaan Perumahan Di Malaysia Dari Perspektif Perundangan Di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research* 6(1): 129-146.
- Ahmed M.U., Sabirzyanov, R. & Rosman, R. 2012. A Critique on Accounting for Murabaha Contract: A Comparative Analysis of IFRS And AAOIFI Accounting Standards. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 3(1): 7-19.
- Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]
- Azli, R.M., Othman, R., Aris, N.A. & Sahri, M. 2012. Landmark Legal Cases on Bai' Bithaman Ajil (BBA) House Financing in Malaysia. *IEEE: Business, Engineering and Industrial Applications Colloquium*. 367-370.
- Balz, K. 2004. A Murābaha Transaction in an English Court: The London High Court of 13th February 2002 in Islamic Investment Company of the Gulf (Bahamas) Ltd. v. Symphony Gems N. V. & Ors. *Islamic Law and Society* 11(1): 117-134.
- Bank Nizwa. 2014. Retail Banking. Dalam *Global Islamic Finance Report*. Ed. Humayon Dar, Rizwan Rahman, dan Rizwan Malik, 104-109.
- Dar, H. & Azami, M.T.A. 2011. Islamic Banking System. Dalam *Global Islamic Finance Report*. 129-135.
- Dehghan, M., Ghafoorifad, M., Shamsi, B. & Heydari, S.H.S. 2015. The Effect of Implementing Core Banking Services on Profitability Case Study: All Branches of a Private Bank in Mashhad. *Studies and Scientific Researches*, Economics Edition 21: 103-111.
- Ebadi, Z. 2007. Advance Banking System Features with emphasis on Core banking. *IEEE: International Conference on Advanced Communication Technology, ICACT* (2007): 573-576.
- Free, D. 2010. Magic Quadrant for Global Retail Core Banking. *Gartner's Industry Research*. 1-20. ID Number: G00206241.
- Halimah B.Z., Azlina A., T. M. Sembok, Suffian I., Shahrul Zaman M.N., Azuraliza A.B., Zulaiha A.O., Nazlia O., Salwani A., Sanep A., Hailani M.T., Zaher M.Z., Azizah J., Norfaezah M.Y., Choo, W.O., C.Abdullah & Sopian B. 2010. Evaluation of HiCORE: Multi-tiered Holistic Islamic Banking System based on User Acceptance Test. *IEEE: International Symposium on Information Technology - Visual Informatics, ITSIM'10*, 1-6.
- Halimah, B.Z., T. M. Sembok, Azlina A., Suffian I., Shahrul Zaman M.N., Azuraliza A.B., Zulaiha A.O., Nazlia O., Salwani A., Sanep A., Hailani M.T., Zaher M.Z., Azizah J., Norfaezah M.Y., Choo, W.O., C.Abdullah & Sopian B. 2008. Holistic Islamic Virtual Banking System: SOA Parameter- based Semantic Approach (HiCORE). *IEEE: International Symposium on Information Technology*. 1-7.
- Hasan, A. 2011. *Fundamentals of Shari'ah in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Hunt, R. 2007. Islamic Banking: Core Vendors Fill Growing Demand for Shari'ah-Compliant Banking. <http://www.oracle.com/us/corporate/046963.pdf>
- Idris, M.A., Muhammad, H. & Ibrahim, R.Z.A.R. 2018. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ismal, R. 2014. Assessing the Gold Murabahah in Islamic Banking. *International Journal of Commerce and Management Assessing* 24(4): 367-382.
- Kasmon, S.A. & Noordin, K. 2015. Tawarruq Berasaskan Kredit Prabayar Telefon: Tinjauan Terhadap Produk Pembiayaan Peribadi Di RHB Islamic Bank. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 3: 25-36.
- Kilcommins, S. 2015. Doctrinal Legal Method (Black-Letterism): assumptions, commitments and shortcomings. <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.1.1688.1364>
- Laldin, M.A. & Furqani, H. 2018. Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013 and the Shari'ah-compliance requirement of the Islamic finance industry in Malaysia. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 10(1): 94-101.
- Laldin, M.A. & Furqani, H. 2013. Developing Islamic Finance in the Framework of Maqasid al-Shari'ah. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 6(4): 280-283.
- Liu, R., Wu, F., Patnaik, Y. & Kumaran, S. 2009. Business Entities: An SOA Approach to Progressive Core Banking Renovation. *IEEE: International Conference on Services Computing* (2009), 466-473.
- Mahmor Az-Zakwan Shafaai, temu bual, 19 September 2022.
- Mohamad, N. & Rahman, A.A. 2014. Tawarruq Application in Islamic Banking: A Review of The Literature. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 7(4): 485-501.
- Mohd Rizal Abdul Rahman, temu bual, 22 Ogos 2022.
- Mohd Zamri Yusoff, temu bual, 23 Ogos 2022
- Muhammad, M. R. & Muhammad, M. 2013. Building Trust in ECommerce: A Proposed Shari'ah Compliant Model. *Journal of Internet Banking and Commerce* 18(3): 1-13.
- Polisi Dokumen Tawarruq Bank Negara Malaysia (BNM).

- https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/pd_rei_ssuanacetawarruq_dec2018.pdf/bcc4b359-381c-5035-f9f0-3908faebb92a?t=1592249563244
- Othman Abdullah, temu bual, 1 September 2022
- Rahman, A.A., Mohammad, S. & Salleh, I.M. 2010. Bay' al-Tawarruq dan Aplikasinya dalam Pembiayaan Peribadi di BIMB. *Jurnal Shariah* 18(2): 333-360.
- Razak, D.A. & Taib, F.M. 2011. Consumers' Perception on Islamic Home Financing. *Journal of Islamic Marketing* 2(2): 165-176.
- Ribadu, M.B. & Rahman, W.N.W.A. 2016. A Generic Framework for E-Commerce Requirements to Comply with Shariah in Business-To-Consumer Perspective. *IEEE: SAI Computing Conference*. 752-757
- Ridwan, A.Y. & Kamili, I. 2015. Designing an Integrated Core Banking System for a Medium-Scale Sharia Bank in Indonesia. *3rd International Conference on Information and Communication Technology (ICoICT)*. 537.
- Rosly, S.A, Naim, M.A. & Lahsasna, A. 2017. Measuring Shariah Non-Compliance Risk (SNCR): Claw-Out Effect of al-Bai-Bithaman Ajil in Default. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 8(3): 272-283.
- Safiullah, M. & Shamsuddin, A. 2018. Risk in Islamic banking and corporate governance. *Pacific-Basin Finance Journal* 47: 129-149.
- Schaffer, John. 2017. At the (technical) core of Islamic banking. <https://www.privatebankerinternational.com/company-related/at-the-technical-core-of-islamic-banking-4826343/>. Diakses pada 23 Ogos 2022.
- Shaikh, M.A. 2011. Contemporary Islamic Banking: The Issue of Murābahah. *Islamic Studies* 50(3/4): 435-448.
- Shakiba, A.H. & Mehdi Qasmi, M. 2022. An Investigation into The Specific Performance Remedy for Breach of Contracts: A Comparative Study of The Islamic Iranian Legal System and Common Law. *Journal of Shariah Law Research* 7(1): 43-62.
- Sulaiman, M.Z.M, Noordin, N., Noor, L.M.N., Suhaimi, A.I.H. & Isa, W.A.R.W.M. 2016. A Preliminary Study of Halal Virtual Inspection: A Case of Halal Certification in Malaysia. *IEEE: 6th International Conference on Information and Communication Technology for the Muslim World*. 94-95.
- Wulandri, P., Putri, N.I.S., Kassim, S. & Sulung, L.A. 2016. Contract Agreement Model for Murabahah Financing in Indonesia Islamic Banking. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 9(2):190-204.

KANDUNGAN / CONTENTS

Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah <i>Freezing of Bank Accounts through Hiwalah Judgments in Shariah Court</i>	1-11
Mohd Hazwan Ismail	
Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia	12-18
<i>The Application of Maqasid Shariah in Ritual Purity and Prayer for Snipers in The Malaysian Armed Forces</i>	
Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz, Mohamad Muntaha Hj Saleh	
Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	19-28
<i>Perceptions of Sultan Zainal Abidin University (UniSZA) Muslim Students Regarding the Investment Selection Factors of Islamic Unit Trust Fund (IUTF)</i>	
Mohd ‘Adli Zahri, Fatin ‘Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan	
Etika Berpakaian dalam Iklan Menurut Perspektif Islam	29-35
<i>Ethics of Dressing in Advertising from an Islamic Perspective</i>	
Nurul Najihah Binti Mohamad Shokri, Norhoneydayatie Abdul Manap	
Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur	36-41
<i>Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review</i>	
Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad	
Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia	42-50
<i>The Need for Establishing Guidelines for Young Voters in the Selection of Electoral Candidates</i>	
Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar	
Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia	51-68
<i>The Implementation of the Tawarruq Contract in the Islamic Core Banking System in Malaysia</i>	
Mohd Naufal Mohd Tarmizi, Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud	
Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah 1955 - 1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis	69-78
<i>The History of Zakat Law Administration in Kedah 1955 - 1982: An Analysis of Written Law Legislation</i>	
Mohd Shuzaini Soib, Jasni Sulong	

حديث «لا يحل سلف وبيع» وتطبيقاته في باب الإجارة في المصارف الإسلامية

79-83

The Hadith "No Loan Coupled with a Sale is Permissible" and Its Applications in the Field of Leasing in Islamic Banks

Gamal Mohamed Ali Abdelrehim, Mohammad Zaini Yahaya, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam

84-93

The Ninety-Nine Customary Law of Perak: An Islamic Legal Analysis

Muhammad Nazirul Mohd Sabri, Jasni Sulong